# Pekerja Teras Transformasi Negara

# Labour Bulletin

**Mesej dari Presiden: Hari pekerja,** Tuntutan MTUC:

- Menghapuskan sebarang bentuk ancaman, penindasan dan sebarang tindakan yang menjurus kepada penghakisan jaminan keselamatan, kualiti hidup serta jaminan pekerjaan. Hapuskan pekerjaan sistem kontrak yang sudah lapuk. Hapuskan pekerjaan sistem orang tengah "contractor for labour" dan "outsourcing".
- Menghormati keluhuran perlembagaan persekutuan denagn mengiktiraf dan melaksanakan hak-hak asasi kaum pekerja dan jaminan keselamatan social bagi semua lapisan masyarakat dan warganegara seperti mana yang termaktub di dalamnya.
- Mengiktiraf seterusnya melaksanakan konvensyen 87 Pertubuhan Buruh Antarabangsa iaitu hak kebebasan berkesatuan dan lain-lain konvensyen teras Pertubuhan Buruh Antarabangsa(ILO) serta Konvensyen 98.
- Kerajaan dan majikan mengujudkan dan memperuntukan pembayaran kos sara hidup(COLA)sebanyak RM300 kepada pekerja sektor swasta.
- Umur persaraan ditingkatkan ke-60 tahun.
- Kerajaan mengurangkan pengambilan dan kebanjiran pekerja asing.
- Mengujudkan satu jaringan keselamatan bagi pembantu rumah.

## Skim Insurans Pemberhentian Kerja

MTUC menyokong cadangan pewujudan skim insurans pemberhentian kerja yang bertujuan memberi perlindungan Keselamatan sosial kepada pekerja yang kehilangan kerja. Walaupun MTUC telah mengusulkan skim ini pada tahun 1998 dengan cadangan RM0.50 sen (majikan dan pekerja)bagi penubuhan tabung pemberhentian kerja ketika krisis ekonomi, namun ia telah mendapat bantahan dari pihak MEF.

Kini isu ini telah dibawa ke meja perundingan yang melibatkan tripartite dan MTUC mengharapkan agar kerajaan akan bertindak rasional dengan mengambilkira cadangan kertas kerja MTUC bagi kepentingan semua pihak.




Pengalaman masa lepas jelas menunjukkan bahawa pentingnya satu skim diwujudkan bagi memberi perlindungan yang wajar kepada semua pekerja yang menerima kesan akibat dari penutupan, penstrukturan perniagaan oleh majikan yang cuba melarikan diri dari tanggungjawab mereka dari membayar pekerja-pekerja.

*Mohd Khalid Atan, Presiden*








# Unemployment Insurance (UI) bagi pekerja-pekerja di Malaysia




Workshop proposed the establishment of a retrenchment Insurance (Unemployment Insurance Scheme) was held at the PWTC. The workshop was held in collaboration with the International Labour Organisation (ILO), Social Security Organisation (SOCSO), Malaysian Trades Union Congress (MTUC) and Malaysian Employers Federation (MEF).

The workshop was attended by more than 300 participants representing various parties, companies, organizations, unions, government departments, academics, and consultants from the ILO.

The current safety net system focuses on retrenchment benefit for workers laid off due to economic circumstances. Multiple problems have been encountered with this system. Businesses have closed without meeting retrenchment obligations. In the case of insolvency, retrenchment benefit claims (other than outstanding wages) are not positioned advantageously for access to the proceeds from liquidation of the failed firm's assets.

The past crisis revealed the serious limitations of the exiting social protection system and the retrenchment benefits, to guarantee basic income protection and address employability of those workers who lose their jobs and new-entrants to the labour market.

As part of the policy measures for intensifying human capital development, th e2010 New Economic Model (NEM) includes various policy measures that will contribute to increased flexibility in hiring and firing workers. To mitigate the social and financial impact on retrenched workers the NEM recommends ' enhancing the workers safety net through the introduction of 'unemployment insurance'' which will integrate employment services as well as upskilling and retraining programmes.




The idea of establishing a comprehensive Unemployment Insurance (UI) emerges from evidence showing that where UI cash benefits are provided to unemployed men and women and where employment services are made available, the unemployed and their families are more effectively and efficiently protected against poverty, and at the same time are made; likely to fast return to employment.

Unemployment Insurance in Malaysia will contribute to the following policy initiatives:

- To address the structural imbalance between labour supply and demand by helping streamline job placement services and providing updated labour market information;
- To review key economic and sectorial indicators targeting at the impact on unemployment of economic growth, inflation rate and government financial position;
- To help cushion the adjustment costs in the labour market;
- To create an efficient and flexible labour market in terms of hiring and firing, and enabling workers to quickly find new jobs which matter their skills;
- To overcome protection limitations inherited from the current system in place (Retrenchment Benefits) under the Employment Act 1955;

# KR1M untuk MTUC dan CUEPACS Perhimpunan Hari Pekerja 2012 KSM




Majlis Perhimpunan hari Pekerja anjuran Kementerian Sumber Manusia telah berlangsung dengan meriah di MAEPS(Dewan Serbaguna, Taman Ekspo Pertanian Serdang Malaysia) pada 12 Mei 2012 jam 8.00pagi hingga 1.00petang.

Lebih dari 12,000 peserta telah mengambil bahagian dalam perhimpunan ini yang diwakili oleh 200 kontinjen dari pelbagai sektor di samping 135 - *booth* pameran yang telah memperagakan pelbagai barangan dan perkhidmatan. Tiga kontinjen dan tiga booth terbaik telah memenangi hadiah istimewa di samping anugerah-anugerah pekerja cemerlang, kesatuan terbaik, syarikat dan majikan terbaik telah diberikan pada majlis tersebut.





Majlis ini telah dirasmiskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan turut hadir bersama ialah Menteri Sumber Manusia, Datuk S.Subramaniam, Timbalannya Datuk Maznah Mazlan, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Abu Bakar Abdullah, Presiden CUEPACS, Datuk Omar Osman, Presiden MEF, Datuk Azman Shah Haron dan Presiden MTUC Mohd Khalid Atan.

Tema hari pekerja tahun ini ialah '***Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi'.*** Dalam majlis ini Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa 10 buah Kedai Rakyat 1Malaysia(KR1M) akan diberi tanggungjawab untuk diuruskan oleh MTUC dan CUEPACS. Kedai ini akan membekalkan barangan keperluan dengan harga yang berpatutan bagi menampung keperluan rakyat dan pekerja.

Di samping Perdana Menteri juga telah menyatakan bahawa hubungan tripartite iaitu kerjasama tiga pihak di antara pekerja, majikan dan kerajaan dalam menangani segala permasalahan dan menjana pertumbuhan ekonomi serta produktiviti amat penting untuk menjayakan transformasi negara.



# Sambutan dan pelancaran Hari Buruh MTUC 2012

MTUC telah mengtadakan sambutan Hari Pekerja 2012 di perkarangan tempat letak kereta MTUC, pada 6hb Mei 2012.

Majlis ini telah dihadiri lebih dari 500 ahli kesatuan sekerja yang merangkumi pelbagai sektor. Majlis ini telah dirasmikan oleh Mohd Khalid Atan, Presiden MTUC bersama-sama pemimpin-pemimpin MTUC antaranya Abdul Halim Mansor, Setiausaha Agung MTUC. Loke Yim Pheng, wakil CUEPAC, Mohd Shafie BP Mammal, P.Arunasalam wakil IMF dan Timbalan-timbalan Presiden dari semua sektor. Jaafar Majid, Timbalan Presiden MTUC pula adalah pengerusi Sambutan Hari Buruh 2012.









Perutusan dari Datuk Omar Osman, Presiden Cuepacs telah dibacakan oleh Naib Presiden MTUC, Zainal bin Ismail antara lain menegaskan bahawa rundingan dan bermuafakatan secara damai dalam perbincangan amat penting bagi mencapai kejayaan serta mencapai misi yang diinginkan dan menyeru semua saling menghormati di antara satu sama lain tidak kira pemimpin atau ahli bagi mencapai kejayaan.















# Sambutan dan pelancaran Hari Buruh MTUC 2012

Presiden MTUC Mohd Khalid Atan menyatakan pelbagai isu perlu ditangani oleh pekerja dalam mengharungi era globalisai umpamanya isu umur persaraan 60 tahun, *contractor for labour, unemployment benefit* dan sebagainya. Beliau juga menegaskan bahawa pengumuman gaji minimum RM900 tidak seharusnya disalah amalkan oleh majikan. Walaupun kuantum tersebut masih dipertikaikan namum adalah diharapkan ia boleh diperbaiki dari semasa ke semasa. Khalid menegaskan bahawa pekerja-pekerja sektor swasta juga layak untuk terima elaun sara hidup sebanyak RM300 seperti pekerja sektor awam disamping mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.



Abdul Halim Mansor Setiausaha Agung pula menyatakan bahawa Hari Buruh telah mulai diktiraf sejak tahun 1973 di Malaysia dan diraikan bersama oleh semua pekerja dan kita harus mengenang jasa mereka yang telah berbakti bagi pembangunan ekonomi Negara. Malah ramai yang telah mengharungi suka dan duka dalam mengharungi cabaran-cabaran untuk menuntut hak pekerja. Tema tahun ini adalah amat sejajar dengannya iaitu *Pekerja Teras Transformasi Negara* katanya.



Mohd Jaafar Majid pula menyatakan beliau bangga kerana ramai pekerja telah berhimpun pada hari ini dan mengharapkan hak-hak pekerja di Negara kita dihormati oleh semua pihak bagi kepentingan bersama.



Antara lain, pelepasan belon sebagai tanpa simbolik telah dilakukan di samping tarian, persembahan, senamrobik dan cabutan hadiah bertuah juga telah diadakan.

Manakala jawatankuasa belia dan wanita telah membacakan ikhrar dan lagu solidariti serta lagu kesatuan terbaru.



Majlis telah dihadiri oleh pegawai utama MTUC Sdra Robert Vijendren, Sdra. Mohd Roszeli, Sdra.Subramaniam, Siti Mahfuz dan Sdra Mohd Faizal.

# Konvensyen Khas Pekerja




SHAH ALAM 31 MEI : Beberapa tuntutan utama pekerja di negeri Selangor seperti gaji minimum, pusat jagaan kanak-kanak di tempat bekerja dan 40 jam bekerja seminggu akan dipertimbangkan oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim katanya di Konvensyen Himpunan Pekerja Selangor, di Dewan Belia, Seksyen 7 Shah Alam.



Katanya, tuntutan perlaksanaan gaji minimum di peringkat Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) sememangnya dalam perlaksanaan oleh Kerajaan Negeri.

Manakala tuntutan mengadakan tempat asuhan kanak-kanak di kawasan seperti perindustrian boleh dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Cuma sekiranya berkenaan undang-undang sahaja kita tidak dapat melaksanakannya kerana ia di peringkat Kerajaan Pusat," katanya.

Beliau berkata tuntutan-tuntutan akan dipertimbangkan dan akan dilaksanakan sebagai usaha memperjuangkan kebajikan pekerja di negeri ini.

Katanya setakat ini dalam penelitian beliau tiada masalah untuk dilaksanakannya kerana pekerja merupakan pemangkin kepada pembangunan negeri. Oleh yand demikian, perlu menjaga kebajikan mereka dan tidak meletakkan jurang pendapatan yang tinggi antara majikan dan pekerja.

Beliau berkata hal itu penting kerana negeri Selangor merupakan negeri yang tertinggi dalam menyumbangkan ekonomi pendapatan negara iaitu sebanyak 23 peratus tahun 2011.

Kira-kira 1,000 peserta daripada 30 buah persatuan terlibat dalam konvensyen itu yang terdiri daripada pemimpin Kesatuan Sekerja dari pelbagai sektor pekerjaan dan industri di negeri ini.

## Pertandingan Futsal Hari Pekerja 2012, MTUC cawangan Pulau Pinang

MTUC cawangan Pulau Pinang telah mengadakan aktiviti susulan Fusal pada 20hb Mei 2012 sempena menyambut Hari Pekerja 2012 di Megamall Pinang.



# ISU semasa

## Delegasi Korea bersama MTUC,31 Mei 2012

Seramai 26 orang perwakilan dari Korea Labor Union Kyungki Province telah mengadakan lawatan sambil belajar ke ibu pejabat MTUC bagi mengetahui dan mendalami isu-isu yang dihadapi oleh MTUC. Mereka telah diberikan pendedahan sedikit sebanyak mengenai aktiviti-aktiviti MTUC dan penglibatan dalam sosial dialog oleh Timbalan Presiden MTUC Sdra Jaafar Majid.








## Permasalahn NUBE berlanjutan

25 Mei 2012 – Semalam lebih 50 orang ahli NUBE datang beramai – ramai untuk mendengar penerangan lengkap dari Sdra Chen Ka Fatt (Setiausaha NUBE Ipoh) berkenaan Perjanjian Kolektif atau CA (Collective Agreement) yang sedang diperjuangkan di kawasan Taiping, Kemunting dan sekitarnya.

Mesyuarat kawasan ini bermula seawal jam 5:30 petang bertempat di Restoran Firdauz berhadapan CIMB Taiping. Ahli–ahli dari NUBE Ipoh yang tiba seawal pukul 4 petang telah juga melawat ke cawangan – cawangan sekitar Taiping dan Kemunting untuk menjemput ahli–ahli NUBE untuk hadir ke sesi mesyuarat utama ini.

AJK Ipoh telah terdiri lebih kurang 2 kenderaan, satu daripadanya menjemput ahli–ahli NUBE di Kemunting dan sebuah lagi menjemput ahli–ahli NUBE di sekitar Taiping. Kehadiran ahli – ahli NUBE ke mesyuarat amatlah memberangsangkan sehinggakan penuh ruangan mesyuarat.

Sdra Chen Ka Fatt telah mengucapkan terima kasihnya kepada ahli yang ramai hadir kali ini dan menjelaskan keadaan terkini NUBE menentang Maybank manakala NUBE juga berhadapan masalah MAYNUE. Selain itu, Sdra Chen Ka Fatt menerangkan status terkini perbincangan Perjanjian Bersama yang masuk pusingan ke-3 antara NUBE dan MCBA (pihak bank).

Rata – rata ahli yang hadir kesal dengan penubuhan MAYNUE yang merosakkan perpaduan ahli dan juga menyekat kelancaran perbincangan Perjanjian bersama. Mesyuarat berakhir pada jam 7 malam dan diikuti sesi menjamu selera di Restoran berkenaan sebagai tanda perhargaan NUBE Ipoh kepada ahli – ahli NUBE kawasan Taiping, Kemunting dan sekitarnya.

Mengenai Maynue di Taiping NUBE sememangnya tidak menerima aduan daripada kawasan Taiping berkaitan ahli cuba menyertai Maynue tetapi hanya 1 laporan diterima dari Maybank Kemunting bahawa salah seorang kerani di situ telah menyertai Maynue ketika kerani ini masih bekerja di Kuala Lumpur sebelum beliau ditukarkan ke cawangan Maybank Kamunting. Walau bagaimanapun ahli terbabit telah masuk semula ke NUBE setelah dipujuk oleh IRC di cawangan Maybank Kamunting.

*Laporan dari :Rizal Yop, Setiausaha MTUC Perak. Jawatan kuasa Cawangan MTUC Ipoh,Perak (NUBE)*

Wisma MTUC 10-5, Jalan USJ 9/5T, 47620 Subang Jaya, Selangor. Tel: 03-80242953 Fax:03-80243225
website : www.mtuc.org.my; email:mtuc@tm.net.my
Disediakan oleh: R.Rajeswari, Setiausaha Penyelidikan, disemak: Sdra. Abdul Halim Mansor

# Unprecedented attack on workers' rights at ILO

For the first time in the history of the International Labour Organization, the employers' group blocked discussion on June 4 on some of the worst cases of workers' rights violations at the annual ILO conference in Geneva.
GLOBAL: Since 1926, the International Labour Conference (ILC) has discussed the most serious cases included in the annual report of the ILO's Committee of Experts, a 17-member committee of eminent and independent international jurists. This, year the International Organisation of Employers (IOE) has refused to discuss any cases.

Jyrki Raina, International Metalworkers' Federation General Secretary, said "In a move that is nothing less than a full political ambush, the employers' group has successfully shut down the Committee on the Application of Standards (CAS) thus undermining an important monitoring mechanism regarding ratified conventions and calling into question the future of tripartite cooperation."

The CAS is a standing committee of the ILC that meets each year to examine specific cases identified by workers and employers on the application of ILO Conventions. A list of 25 priority cases identified by the workers' group, in consultation with unions and national centres, were being debated with the employers group, which has now blocked all discussion.

Sharan Burrow, ITUC General Secretary, said "Employers at the ILO are trying to keep the worst abuses under wraps and avoid the international scrutiny which could help save lives and tackle some of the most appalling attacks on the rights of working people. Last year, 29 trade unionists were murdered in Colombia, but employers don't think the ILO should even discuss that, nor the terrible campaign of violence against trade unionists in Guatemala or Swaziland. Egyptians are in the midst of a battle for their most basic rights to decent work, but employers seem to be siding with the military and fundamentalist forces both of which want to deprive workers of a voice."

"The ILO was established on the basis of social justice and a commitment to respect for the rule of law as it applies to working people. The world's most eminent labour law jurists have presented their findings to the ILO Conference, but the IOE is refusing to allow their findings to be examined," said Sharan Burrow.

"Employer groups are trying to undermine one of the most effective human rights mechanisms in the international system. This might help some of their least responsible member companies make some more profit and sustain governments which allow or even encourage violence against working people, but this will be at the cost of lives and livelihoods of some of the world's most vulnerable workers," said Burrow.

*– Anita Gardner ,IMF, Jun 05, 2012*

## Tahniah dan syabas!!!

**Tan Sri Zainal Rampak,** Setiausaha Agungnya kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan Semenanjung Malaysia (TWU) dianugerahkan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai satu penghormatan kepada kesatuan tersebut.

**Syed Shahir Syed Mohamud**, Mantan presiden MTUC dianugerahkan dengan gelaran Senator oleh ketua Menteri Pulau Pinang, YB Lim Guan.